

17/03/2000

Pintu sempadan tidak akan dibuka 24 jam

JITRA, Khamis - Kerajaan tidak bercadang membuka pintu sempadan Malaysia-Thailand selama 24 jam setiap hari kerana tidak memberi keuntungan kepada negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, jika pintu sempadan dibuka 24 jam, lebih ramai rakyat negara ini menghabiskan masa mereka di negara jiran itu.

Pada masa ini pintu sempadan Malaysia-Thailand di Padang Besar, Bukit Kayu Hitam (Kedah), Pengkalan Hulu (Perak) dan Rantau Panjang (Kelantan) dibuka antara jam 6 pagi hingga 10 malam.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan bercadang membuka satu lagi pekan sempadan, di Durian Burung, di Padang Terap, kira-kira 55 kilometer dari sini bagi menggiatkan lagi kegiatan ekonomi di sempadan kedua-dua negara.

(END)